



Pelan Pemulihan Negara

Melaka beralih ke Fasa 2

5



Rangka pemulihan Hang Tuah Jaya

- RKK Zon Pelancongan Ayer Keroh imbangi impak negatif pembangunan kediaman kesan COVID-19
- Lebih banyak lokasi 'Instaworthy' diperkenal tarik pelancong
- Melaka Bebas Niaga 'lahirkan' tambahan 30 peratus penjaja kecil di Hang Tuah Jaya
- RM2 juta atasi lokasi banjir berulang

BERITA PUENUH MUKA 2 & 3

Eksklusif
MHI



RKK ubah 'wajah' pelancongan Ayer Keroh



SHADAN

Mohamad Fazrul Abdul Majid
Foto MR Azli

AYER KEROH - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dalam proses mewartakan buku Rancangan Kawasan Khas (RKK) Zon Pelancongan Ayer Keroh yang bakal menjadi rujukan bagi pembangunan pelancongan di kawasan itu.

Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman berkata, buku tersebut mengandungi kajian menyeluruh pelan lima tahun bagi mengubah wajah pelancongan di kawasan tersebut.

Menurutnya, menerusi buku dan kajian yang dijalankan itu, ia akan memudahkan segala urusan MPHTJ bagi memohon peruntukan selain menjadi rujukan jabatan dan agensi kerajaan negeri lain di masa hadapan.

"Buku ini sebenarnya telah siap pada Jun 2020. Namun, kini kita dalam proses pewartaan kerana ia mengandungi pelan dan perancangan dalam tempoh lima tahun akan datang bagi mencorak hala tuju pelancongan di Ayer Keroh."

"Jadi buku ini akan membantu kita untuk merancang (pembangunan) mengikut sasaran ditetapkan, tidak membazir dan ia juga boleh menjadi ru-

juhan apabila kita mahu memohon peruntukan, tidak perlu menunggu lama kerana kajian telah dibuat," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini (MHI).

Beliau berkata, walaupun masih menunggu proses pewartaan, pihaknya telah dan bakal menyiapkan 60 peratus projek pembangunan kawasan pelancongan di kawasan Ayer Keroh.

Ia merangkumi kerja-kerja menaik taraf Taman Seribu Bunga, Taman Botanikal Melaka serta mencantikkan ruangan bawah jejabat MITC.

Selain itu, ujarnya, pihaknya juga sedang memohon peruntukan bagi 20 projek berskala besar, termasuk membina sebuah jambatan seakan-akan Jambatan Pin-tasan Saloma di Kuala Lumpur.

"Projek jambatan itu kita rancang untuk menghubungkan kawasan Taman Botanikal Melaka dan Taman Buaya ke Zoo Melaka dan Taman Mini Malaysia."

"Sebab apa, dalam kajian yang kita jalankan telah membuktikan ada sedikit kelemahan di kawasan Ayer Keroh antaranya penghubungan di antara dua tempat ini."

"Jadi, ia antara perancangan projek-projek besar yang sedang kita mohon peruntukan dan terkandung di dalam RKK Zon Pelancongan Ayer Keroh," katanya.

Eksklusif MHI

Lokasi 'Instaworthy' gamit pelancong

KAWASAN pelancongan pentadbiran Hang Tuah Jaya sedia menerima kehadiran pelancong sebaik selari dengan peralihan fasa Pelan Pemulihran Negara (PPN).

Datuk Shadan Othman berkata, ia berikutan hampir 70 peratus penggiat pelancongan, peniaga dan penjaja di kawasan itu telah menerima vaksin setakat ini.

Justeru katanya, orang ramai yang sudah lengkap dua dos vaksin tidak perlu risau untuk datang dan melancong di sekitar kawasan Ayer Keroh apabila pintu pelancongan dibuka nanti.

"Untuk bersedia hadapi Fasa 2 dan 3 PPN, kita sendiri telah mengambil inisiatif melaksanakan program vaksinasi di Melaka Mall ke atas 1,500 orang yang merangkumi peniaga, penjaja, pekerja pelancongan dan lain-lain.

"Alhamdulillah kalau ikut keseluruhan kawasan

Hang Tuah Jaya boleh dikatakan 70 peratus telah divaksin, jadi orang ramai tidak perlu risau kerana kita sudah bersedia menyambut kedatangan mereka," katanya.

Shadan berkata selain vaksinasi, pihaknya juga memanfaatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menambah baik infrastruktur di kawasan itu bagi menarik semula kehadiran pelancong.

Jelasnya, antara projek naik taraf yang dijalankan ialah di Zoo Melaka, Taman Botanikal dan terbaharu di kawasan Dataran Sejarah Ayer Keroh yang akan dihiasi dengan taman bunga berwarna-warni.

"Jadi, lokasi-lokasi bergambar yang menarik dan 'Instaworthy' inilah yang akan kita perbanyak supaya orang ramai akan datang ke kawasan pelancongan di Hang Tuah Jaya," jelasnya.

ZOO Melaka antara lokasi 'Instaworthy' yang bakal menjadi tarikan pelancong apabila pintu pelancongan dibuka nanti.



INFOGRAFIK MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA



WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6 SEPTEMBER 2021	5:57 am	7:05 am	1:12 pm	4:18 pm	7:15 pm	8:25 pm
7 SEPTEMBER 2021	5:57 am	7:05 am	1:12 pm	4:17 pm	7:15 pm	8:24 pm
8 SEPTEMBER 2021	5:57 am	7:05 am	1:11 pm	4:16 pm	7:15 pm	8:24 pm
9 SEPTEMBER 2021	5:57 am	7:05 am	1:11 pm	4:15 pm	7:14 pm	8:23 pm
10 SEPTEMBER 2021	5:56 am	7:04 am	1:11 pm	4:14 pm	7:14 pm	8:23 pm
11 SEPTEMBER 2021	5:56 am	7:04 am	1:10 pm	4:13 pm	7:13 pm	8:22 pm
12 SEPTEMBER 2021	5:56 am	7:04 am	1:10 pm	4:12 pm	7:13 pm	8:22 pm

Pembangunan HTJ 'terencat' dua hingga tiga tahun

Antara kaedah yang akan dilaksanakan pihaknya untuk mengimbangi masalah itu ialah dengan memperkasakan sektor pelancongan di kawasan Hang Tuah Jaya.



WALAUPEUN terkesan dengan pandemik COVID-19, MPHTJ mengambil langkah untuk memperkasakan sektor pelancongan di kawasan Hang Tuah Jaya.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PEMBANGUNAN di kawasan Hang Tuah Jaya mungkin bakal tercenat dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang akibat kesan pandemik COVID-19.

Datuk Shadan Othman berkata, ia berikutan jumlah permohonan bagi projek pembangunan dan perumahan menurun 70 peratus sejak pandemik melanda.

Katanya, menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), pihaknya hanya menerima satu permohonan projek pembangunan setiap dua minggu dan adakah langsung tiada permohonan diterima.

"Ia sama sekali berbeza dengan sebelum ini yang mana sekurang-kurangnya kita akan terima lima permohonan setiap kali bermesyuarat dua kali setiap bulan."

"Pengurangan itu mungkin sedikit sebanyak disebabkan pandemik COVID-19 yang mana pemaju mengambil langkah berhati-

hati sepanjang tempoh ini.

"Jadi, kalau tahun ini dah kurang sebenarnya untuk tempoh dua, tiga tahun lagi boleh jadi kurang pembangunan di kawasan ini dan ia dikhuatir akan turut menjejaskan ekonomi," katanya.

Justeru, katanya, satu kaedah baharu perlu dilakukan bagi mengelakkan ekonomi di kawasan berkenaan terjejas.

Jelas Shadan, antara kaedah yang akan dilaksanakan pihaknya untuk mengimbangi masalah itu ialah dengan memperkasakan sektor pelancongan di kawasan Hang Tuah Jaya.

"Apa yang akan kita lakukan ialah meningkatkan infrastruktur kawasan pelancongan supaya pelancong akan datang ke sini."

"Apabila ada pelancong, ekonomi Hang Tuah Jaya juga akan meningkat sekali gus membantu pembangunan yang tergendala."

"Lagipun saya percaya, jika ramai orang datang ke Melaka dan Hang Tuah Jaya khususnya, pelabur dan pemaju akan kembali dan merancang pembangunan di kawasan ini," katanya lagi.

Penjaja di Hang Tuah Jaya meningkat 30 peratus

BILANGAN penjaja di kawasan MPHTJ mengalami peningkatan ketara sehingga 30 peratus sejak awal tahun ini sehingga kini.

Datuk Shadan Othman berkata setakat 31 Ogos, seramai 565 penjaja telah mendaftar untuk mendapatkan lesen bermula berbanding hanya 389 penjaja sepanjang tahun lalu.

Peningkatan itu, ujarnya, sejajar dengan inisiatif Melaka Bebas Berniaga yang diumumkan kerajaan negeri bagi membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

"Kita boleh lihat ada peningkatan di dua tiga tempat peningkatan itu agak ketara. Antaranya di Jalan Tun Hamzah yang ramai orang bermula dan yang kedua-duanya di kawasan Bukit Beruang."

"Kalau kita perhatikan semasa peralihan PKP pertama ke PKP 2.0 tempoh hari, apabila ekonomi kita dibuka seketika, tiba-tiba kawasan itu kosong, tidak ada orang menjaja. Hanya ada satu dua sahaja."

"Sekarang ini melebihi 20 ke 30 orang kembali bermula kerana kebanyakannya mereka ini ialah mereka yang makan gaji hari, yang kerja kontrak tidak boleh menjalankan kerja kontrak, atau mungkin mereka ini pekerja hotel yang diberhentikan dan terkesan disebabkan pandemik," katanya.

Memahami kesusahan yang dihadapi peniaga dan penjaja sepanjang tempoh pandemik ini, Shadan berkata pihaknya turut menyediakan pelbagai insentif kepada golongan berkenaan.

Antara insentif yang disediakan ujar-

nya ialah pengurangan 50 peratus sewa gerai MPHTJ, pengecualian 100 peratus notis lewat cukai taksiran harta, pengurangan 70 peratus bagi kompaun petak letak kereta dan pengecualian denda lewat pembaharuan lesen perniagaan untuk tahun 2021.

Selain itu, pihaknya turut memberi rebat sebanyak 50 peratus bagi kekosongan premis, serta pengurangan 30 peratus bagi sektor pelancongan hotel dan taman tema yang tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh pandemik COVID-19.



SETAKAT 31 Ogos lepas, MPHTJ mencatatkan seramai 565 penjaja telah mendaftar untuk mendapatkan lesen perniagaan berbanding hanya 389 penjaja sepanjang tahun lalu.

MPHTJ peruntuk lebih RM2 juta untuk atasi banjir

"Jadi, semua ini akan kita lakukan secara berperingkat di semua kawasan terlibat dalam usaha mengatasi masalah banjir yang berulang di kawasan Hang Tuah Jaya," -Shadan

LEBIH RM2 juta telah diperuntukan MPHTJ bagi mengatasi masalah banjir di kawasan jajahannya.

Datuk Shadan Othman berkata, pihaknya tidak pernah berdiam diri dalam mengatasi masalah banjir berulang di beberapa kawasan seperti di Bukit Katil dan Bukit Beruang.

Antara kerja-kerja pembelaian yang telah dijalankan pihaknya termasuklah membina kolam tangkap banjir, menaik taraf sistem perparitan dan membaik pulih cerun.

"Seperti contoh di Taman Merak Mas, Bukit Katil yang berlaku banjir berulang hampir 10 tahun. Jadi, kita telah membuat penambah baikan sistem kolam takungan di kawasan itu."

"Alhamdulillah tahun ini kawasan Taman Merak Mas sudah tidak ada banjir lagi. Itu kesan yang ketara yang telah kami lakukan untuk mengurangkan masalah banjir," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Shadan berkata, pihaknya memberi tumpuan di setiap kawasan berperingkat yang mana selepas ini tumpuan MPHTJ terarah kepada kawasan Taman Bukit Beruang Utama, Taman Melawis dan Taman Bukit Beruang Bestari yang turut tersenarai sebagai kawasan 'hotspot' banjir.

"Kalau kita lihat kawasan Hang Tuah Jaya ini, taman-taman ataupun kawasan yang berhampiran dengan sungai sering berlaku banjir."

"Jadi, perancangan kita ialah untuk membina kolam takungan yang cukup besar di kawasan terlibat bagi membolehkan limpahan air itu terus dialurkan ke kolam berkenaan untuk mengelakkan banjir."

"Jadi, semua ini akan kita lakukan secara berperingkat di semua kawasan terlibat dalam usaha mengatasi masalah banjir yang berulang di kawasan Hang Tuah Jaya," katanya lagi.

Penubuhan MPHTJ ambil konsep Perbadanan Putrajaya

Faiz Hasan

PENUBUHAN Perbadanan Hang Tuah Jaya (PHTJ) pada tahun 2005, yang dahulu hanya diterajui oleh sembilan kakitangan, kini telah berjaya memangkin kegemilangan sebagai salah sebuah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Idea yang diilhamkan bekas Ketua Menteri yang juga Yang di-Pertua Negeri sekarang, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, ketika itu mahu membangunkan sebuah pusat pentadbiran kerajaan yang sistematis dan teratur di Melaka.

Selaku Ketua Pegawai Eksekutif PHTJ yang pertama ketika itu,

Datuk Murad Husin berkata, sebelum diisyhtihar sebagai PBT keenam di Melaka, penubuhan PHTJ mengambil konsep dan fungsi asal seperti Perbadanan Putrajaya.

Katanya, menerusi Enakmen PHTJ yang diwartakan pada tahun 2005, maka lahirlah sebuah agensi perbandaran baharu yang turut merangkumi kawasan pentadbiran kerajaan negeri di Seri Negeri dan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

"Hasil kekuatan dari perundungan yang diwartakan maka tertubuhnya PHTJ yang berpegang kepada dua matlamat asal iaitu pengurusan terhadap kawasan pentadbiran dan perancangan pem-

bangunan dalam kawasan yang terlibat.

"Pada asalnya, kawasan jajaran pentadbiran ini hanya di Ayer Keroh yang dahulunya dikenali sebagai Metro Ayer Keroh, namun ia diperluaskan pada fasa berikutnya sehingga ia terletak di pertengahan peta Melaka dengan membabitkan kawasan di sempadan Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah," katanya kepada MHI.

Murad yang kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) berkata, beliau memegang prinsip utama dalam pengurusan pusat pentadbiran iaitu '*work, play and vacation*'

"Kita mahu sebuah pusat pentadbiran di mana selain menumpukan kepada pekerjaan ia merupakan lokasi tumpuan untuk menjalankan aktiviti riadah dan rekreasi.

"Pelbagai kemajuan pada awalnya dibina ketika itu iaitu seperti membangunkan semula Taman Botikal, Kampung Buku, Pusat Khidmat Nasihat Industri Kecil dan Sederhana serta pelbagai lagi," katanya.

Menurutnya, penubuhan PHTJ semakin mengorak langkah



MURAD

sehingga wujudnya MPHTJ, yang berfungsi mentadbir penuh setiap aspek dalam kawasan Hang Tuah Jaya.

"Pada 2006, cadangan awal telah dikemukakan untuk membentuk sebuah PBT dan akhirnya membuat hasil setelah beberapa kejayaan dicapai.

"Pada penghujung 2009, penubuhan MPHTJ telah pun dibina dan secara rasminya menjadi PBT pada Januari 2010 yang ketika itu diterajui oleh Yang Dipertua pertamanya iaitu Datuk Kamarudin Md Shah," jelasnya.

Isu banjir kilat jadi keutamaan DUN Ayer Keroh

Liana Sahabudin

MASALAH perparitan yang menjadi punca berlakunya banjir kilat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Keroh terus menjadi perhatian pihak berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Ayer Keroh Datuk Arif Yus Ahsan berkata pihaknya telah pun mengadakan perbincangan bersama beberapa jabatan terlibat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Untuk makluman, keseluruhan kawasan DUN Ayer Keroh berada dalam pentadbiran MPHTJ, meliputi Iapan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

"Alhamdulillah setiap bulan kita adakan mesyuarat dengan JAPERUN dan wakil MPHTJ untuk menjawab isu-isu berkaitan dengan pembandaran dalam kawasan DUN Ayer Keroh.

"Banyak isu-isu berkaitan telah diambil perhatian, malah isu banjir baru-baru ini di DUN Ayer Keroh juga kita adakan satu perbincangan khas bersama Exco kerajaan negeri terlibat secara holistik," katanya ketika ditemui MHI.

Katanya di DUN Ayer Keroh, terdapat lebih



ARIF

60,000 penduduk yang berbilang kaum membabitkan 28 kawasan taman perumahan.

"Kawasan-kawasan takungan banjir di taman-taman perumahan ini memang diberikan perhatian dan terdapat saliran yang perlukan peruntukan untuk dibaiki.

"Kawasan ini memerlukan masa kerana melibatkan hampir 28 taman perumahan dan saya harap isu banjir kilat dapat diselesaikan supaya tiada lagi bencana ini dalam masa terdekat.

"Kita ada satu grup dalam aplikasi 'WhatsApp', segala aduan kita akan terus ambil tindakan dan cuba diselesaikan sebaik mungkin," katanya lagi.

Ujarnya, pihaknya berharap peruntukan lebih besar akan diberikan bagi DUN tersebut memandangkan ia merangkumi kawasan pentadbiran kerajaan negeri.

"Kita harap peruntukan lebih besar diberikan ke atas MPHTJ untuk mengatasi isu-isu berkaitan perbandaran dalam kawasan DUN Ayer Keroh. "Ia sekali gus juga menunjukkan imej negeri ini kerana pusat pentadbiran negeri berada dalam DUN Ayer Keroh," katanya.



PADA 5 Julai lepas, Kampung Sungai Putat antara yang teruk terjejas akibat banjir kilat.

"DI sini isunya cuma pokok besar tidak dicantas yang menyebabkan longkang tersumbat kerana daun-daun kering daripada pokok ini gugur ke dalam longkang."

"Bila longkang dipenuhi daun kering ia menjadi punca berlakunya banjir kilat, jadi pihak berkuasa tempatan (PBT) terlibat khususnya Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) perlu naiktaraf sistem perparitan di sini."

Pengerusi JP KK
Kampung Pulau Samak,
Abdul Latif Dorani

APA
MERKA



"POKOK besar di beberapa kawasan sekitar Hang Tuah Jaya perlu dicantas kerana dibimbangi bila angin kuat, ia akan hampap rumah penduduk dan boleh membahayakan nyawa"

Penduduk,
Faizal Karim



ISMAIL

Pelan Pemulihan Negara PM umum Melaka beralih ke Fasa 2

KUALA LUMPUR — Melaka beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), manakala Negeri Sembilan pula masuk ke Fasa 3 berkuat kuasa 4 September lalu. Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan tersebut adalah berdasarkan keputusan Sidang Khas Pengurusan Pandemik COVID-19.

"Sukacita dimaklumkan bahawa, mesyuarat bersetuju untuk membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program '*travel bubble*'

berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

"Sebagai permulaan, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai projek rintis untuk dibuka kembali kepada pelancong tempatan bermula 16 September.

"Destinasi pelancongan yang lain akan dibenarkan beroperasi apabila kadar vaksinasi lokaliti mencapai 80 peratus," katanya menerusi kenyataan rasmi Perdana Menteri pada 2 September lepas.

Menurut kenyataan itu, me-

syuarat juga sebulat suara berse- tuju Sidang Khas itu dikenali seba- gai Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik dan bakal membabitkan wakil daripada parti pembangkang.

"Pendekatan ini adalah satu usaha kolektif untuk melibatkan semua pemegang taruh bagi memastikan pemulihan negara berja- lan seperti dirancang, seiring dengan semangat Keluarga Malay- sia," kata kenyataan itu.

Terima kasih PM kerana keputusan yang tepat ini - KM

Faiz Hasan

SERI NEGERI — Melaka berte- rima kasih kepada kerajaan Perse- kutuan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kerana membenarkannya beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Sabtu lalu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, keputusan selepas Mesyuarat Si- dang Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 itu sememangnya berita

yang amat ditunggu-tunggu seluruh rakyat Melaka.

"Bagi pihak Kerajaan Melaka, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada Perdana Menteri kerana telah membuat keputusan tepat berpandukan kriteria dite- tapkan.

"Keputusan ini sememangnya dinanti-nantikan oleh semua rakyat Negeri Melaka," katanya menerusi kenyataan di *Facebook* rasminya pada 2 September lepas.

Sulaiman bagaimanapun turut mengingatkan rakyat Melaka agar tidak mudah leka di sebalik berita gembira itu.

"Di sebalik kegembiraan dan kelegaan peralihan ke Fasa 2 PPN ini, janganlah kita mengambil mudah setiap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"(Ini) kerana kita belum me- nang sepenuhnya daripada pandemik COVID-19 ini. Teruslah patuhi SOP!," katanya lagi.

“ Di sebalik kegembiraan dan kelegaan peralihan ke Fasa 2 PPN ini, janganlah kita mengambil mudah setiap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ”



SULAIMAN ketika menerima kunjungan hormat Kamel (kanan) di Pejabat Ketua Menteri, Seri Negeri pada 30 Ogos lepas.

SUK baharu Melaka mula bertugas

SERI NEGERI — Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menerima kunjung hormat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Melaka Datuk Ts. Kamel Mohamad yang ba- haru dilantik di Seri Negeri di sini 30 Ogos lalu.

Beliau berkata kerajaan negeri mengalu- alukan kedatangan beliau dan mengucapkan tahniah di atas lantikan terbabit.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka dan seluruh warga kerja di Jabatan Ketua Menteri Melaka, saya mengucapkan sekalung tahniah, selamat datang dan selamat menabur khidmat bakti kepada negeri dan rakyat Negeri Melaka," katanya dalam kenyataan di *Facebook* rasmi beliau.

Kamel, yang sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan, menggantikan

Datuk Seri Dr. Hasim Hasan yang bersara wajib.

Kamel, lulusan MBA (Banking and Fi- nance) daripada University of Hull di United Kingdom dan MSc (Geochemistry) daripada universiti di Amerika Syarikat, juga pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi.

Beliau juga pernah berkhidmat di Kem- enterian Kewangan, Kementerian Sains, Tek- nologi dan Inovasi dan Unit Perancang Ekonomi.

Dan juga sebagai Ketua Pengarah Per- badanan Harta Intelek Malaysia.

Kamel juga pernah menjadi Penasihat Kepada Pengarah Eksekutif di ibupejabat Bank Dunia, Washington D.C. daripada Mac 2001 hingga Januari 2003.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.comPENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondameit@
melakaharlin.myPENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor7riduwani@gmail.comJURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
mazren8@gmail.com

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlin.myMOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlin.myMOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlin.myFARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlin.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlin.myMIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlin.myZUL RAHIMI RAMLI
zul.7.zul@melakaharlin.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlin.my
018-329 9336EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILANGAN
NAQUIB TAJUDIN
naqib@melakaharlin.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
irzalraihanah@gmail.comSHARIFAH NORHALIDAH
SYED TAJUDIN
khalidah@melakaharlin.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashallyusof@melakaharlin.myWARTAWAN PENYARIAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@
melakaharlin.myPENYINTUNGAN VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlin.myJURUKAMERA
ISMALIBRAHIM
dakmail92@melakaharlin.myAUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakaharlin.myAMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlin.my

'Melaka Munajat' serikan sambutan Hari Kemerdekaan



Faiz Hasan

AYER KEROH - Kira-kira 1,500 warga maya serta Melaka Bermunajat sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64 Peringkat Negeri Melaka 2021 secara atas talian, pada 30 Ogos lepas.

Majlis bacaan zikir dan munajat disambut penuh kesyukuran disiarkan secara langsung selama lebih sejam di *Facebook* rasmi Kerajaan Negeri Melaka.

Program anjuran Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) itu bermula pada jam 8.45 malam dan turut disertai Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersama isteri, Toh Puan Asmah Abd Rahman serta kepimpinan negeri yang lain.

Acara penuh keberkatan itu dimulakan dengan zikir munajat dibimbing Penceraham Selebriti Astro Oasis, Ustaz Haji Dzulkarnain selama sejam dan disusuli doa penutup oleh Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.



MOHD Ali dan Asmah menyertai kepimpinan negeri dan rakyat dalam program Melaka Bermunajat sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64 Peringkat Negeri Melaka 2021 secara maya.



SEMANGAT MERDEKA... Maryam Azzahra Saiful, 6, (kanan) bersama Nur Nassryaa Fadzrul, 8, (kiri) bersemangat menyambut Hari Kemerdekaan Negara ke-64 di Kampung Morten, baru-baru ini. FOTO MR Azli

Selami sejarah kemerdekaan negara - Sulaiman



SERI BENDAHARA - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mahu setiap lapisan masyarakat khususnya di Melaka terus mengingati dan menghayati sejarah ulung perjuangan memerdekakan negara.

Menerusi catatan di *Facebook* rasminya pada 30 Ogos lepas, Sulaiman berkata, perkara itu antara tujuan utama diadakan sambutan Hari Kebangsaan pada setiap tahun.

"Tidak lain tidak bukan untuk mengajak semua rakyat Malaysia lebih mengingati dan mendalami sejarah ulung perjuangan serta mensyukuri nikmat kemerdekaan yang telah dikecapi oleh negara kita sejak tahun 1957," katanya.

Menurut Sulaiman, kemerdekaan sesebuah negara dapat dijamin teguh berdiri apabila berpangkal pada kemerdekaan jiwa.


"Sesungguhnya, ini (sambutan

kemerdekaan) adalah satu-satunya perayaan yang dimiliki oleh kita semua tanpa mengira bangsa dan latar belakang agama.

"Semangat dari kemerdekaan ini perlu kita garap menjadi inspirasi dalam memelihara kerukunan, keharmonian, kemakmuran dan perpaduan dalam kalangan masyarakat negara dan negeri Melaka khususnya," katanya.

Sehubungan itu beliau juga mengajak rakyat di negeri ini bersama-sama menzahirkan semangat patriotik melalui kibaran Jalur Gemilang di setiap kediaman, premis, tempat kerja dan kenderaan masing-masing.

"Jom kibarkan Jalur Gemilang kebanggaan kita bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan dengan semangat 'Malaysia Prihatin' dan 'Keluarga Malaysia'"



KESELURUHAN TERDAPAT 72 PUSAT PEMERIAN VAKSIN (PPV) BERIKUT 23 LOKASI PPV > SEMUA DAERAH



Pembukaan PPV Mega Tingkatkan kadar vaksinasi 24,000 dos sehari

Farah Suhaidah Othman

KRUBONG – Dua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega yang beroperasi pada 30 Ogos lalu, mampu menampung jumlah 24,000 suntikan dos vaksin COVID-19 sehari di Melaka.

Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman berkata, berdasarkan data direkodkan setakat 29 Ogos lalu, negeri ini mencapai 83.2 peratus bagi dos pertama manakala 60.3 peratus bagi penerima vaksin yang menerima lengkap dua dos.

Katanya, perkara itu sekali gus mempercepatkan kadar vaksinasi bagi populasi 18 tahun ke atas untuk mencapai imuniti berkelompok menjelang penghujung Oktober ini.

"Dengan pembukaan dua PPV di Stadium Hang Jebat dan Stadium Mini Jasin, ia mampu meningkatkan suntikan harian negeri daripada 16,000 dos sebelum ini kepada 24,000 dos sehari."

"Ia sekali gus dapat menyelesaikan program vaksinasi negeri selewat-lewatnya dos pertama pada September manakala bagi lengkap dua dos menjelang penghujung Oktober dan juga imuniti kelompok pada waktu tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat PPV mega di Stadium Hang Jebat di sini pada 30 Ogos lalu.



RAHMAD beramah mesra dengan penerima vaksin ketika melakukan sesi lawatan ke PPV Mega di Stadium Hang Jebat pada 30 Ogos lalu.

Individu belum terima vaksin boleh 'walk in' ke PPV – Rahmad

SERI NEGERI – Kerajaan Melaka menawarkan kepada rakyat di negeri ini yang belum menerima suntikan vaksin untuk mendapatkannya secara 'walk in' atau hadir terus di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega Stadium Hang Jebat dan PPV Stadium Mini Jasin.

Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman berkata, bermula 3 September lalu, mana-mana individu yang belum divaksin boleh hadir terus di dua PPV itu bagi mendapatkan vaksin COVID-19.

"Untuk seluruh rakyat Melaka, mulai 3 September, kita membuat tawaran kepada sesiapa yang belum divaksin supaya terus 'walk in' di dua PPV tersebut tidak mengira peringkat umur dan bangsa."

"Kita dah sampai peringkat penghujung vaksinasi, jadi hanya berapa ramai lagi yang tersenarai dalam MySejahtera, kita tidak mahu bazirkan vaksin dan masa petugas."

"Setakat ini tiada had vaksin dan saya yakin kita mampu memberi suntikan vaksin kepada seluruh rakyat Melaka," katanya

selepas Cabutan Bertuah Bulanan Pertama Kempen Vax & Win di Seri Negeri, pada 3 September lalu.

Hadir sama Exco Pelancongan Negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Saari Basiron.

Terdahulu, Rahmad memilih 10 pemenang dalam cabutan bertuah itu yang diadakan sebagai galakkan kepada orang ramai untuk mengambil suntikan vaksin COVID-19.

"Kempen yang berlangsung selama lapan bulan ini sehingga Mac 2022 bakal menyaksikan pelbagai hadiah lumayan berupa dua unit kondominium, penginapan satu malam di Grand ION Delemen Hotel Genting Highlands, perkakasan rumah seperti 'air fryer', penyedut hampagas dan pemanggang steamboat elektrik."

"Pemenang hadiah utama akan diumumkan pada April 2022, NCT Alliance Berhad akan menghubungi pemenang bulanan secara langsung serta mengumumkan pemenang di laman media sosial mereka," katanya lagi.

RM165,000 bantu belia, pelajar IPT Melaka terkesan COVID-19

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI BENDAHARA – Sejumlah RM165,000 diperuntukkan Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain dalam menyalurkan bantuan COVID-19 kepada mereka yang terkesan.

Presiden MGBM, Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata, jumlah peruntukan itu merangkumi pemberian 3,000 kit makanan kepada golongan belia Melaka yang terjejas sepanjang pandemik melanda.

Selain itu, pihaknya bersama MyFundAction turut mengagihkan 600 paket makanan bagi membantu pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta yang terkandas di kampus.

"Menerusi Program Mobilisasi Bantuan Prihatin COVID-19, MGBM telah



RIDHWAN

melancarkan #KitaAda yang bermaksud pertubuhan belia sentiasa ada untuk membantu mereka yang memerlukan khususnya membabitkan anak muda di

negeri ini.

"Secara keseluruhan kita telah mengedar 3,000 kit makanan sejak pandemik melanda dan akan mengagihkan pula 600 paket makanan kepada pelajar di IPTA dan IPTS seluruh Melaka."

"Walaupun bantuan yang diberi mungkin tidak sebesar mana, namun kita yakin ia sekurang-kurangnya dapat membantu anak muda yang turut terkesan sejak pandemik ini melanda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas program simbolik penyerahan paket makanan kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Seri Bendahara, pada 3 September lalu.

Dalam majlis itu, Sulaiman turut menyempurnakan gimik pelancaran Program Mobilisasi Bantuan Prihatin COVID-19 oleh MGBM.



DAK MAT

Jangan alpa dan terus amalkan SOP

BIARPUK kerajaan bersetuju Melaka berlalu daripada Fasa 1 kepada Fasa 2 Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) mulai Sabtu lalu, bukan bermakna negeri ini telah bebas daripada ancaman COVID-19.



Sememangnya keputusan itu amat ditunggu-tunggu segenap lapisan rakyat Melaka setelah sekian lama 'terkongkong' akibat pelbagai SOP ditetapkan bagi menangan pandemik ini.

Tapi, rakyat kena faham bahawa ancaman virus ini masih wujud dan individu yang telah divaksin satu dos mahupun telah lengkap dua dos di Melaka tetap berisiko dijangkiti virus pembunuh ini.

Mat setuju sangat dengan peringatan 'Tok Lemar', jangan pula rakyat lupa dan mengabaikan segala SOP dalam keseronokan berlalu Fasa 2 PPN.

Akibatnya amat buruk dan kita juga harus sedar bahawa masih ada yang belum divaksin di Melaka termasuk golongan berusia 17 tahun ke bawah.

Kewujudnya pelbagai varian COVID-19 kini semakin membimbangkan dan ia menuntut perhatian oleh semua pihak khususnya ibu bapa mengenai keselamatan diri dan anak-anak ini.

Peralihan Fasa PPN di Melaka menjadi tumpuan kerana biarpun negeri kecil, ia kekal merekodkan kes jangkitan COVID-19 tiga angka sejak dua bulan lalu.

Justeru, Mat berharap penduduk Melaka tetap mengamalkan SOP yang ketat pada setiap masa walaupun sudah berlalu Fasa PPN.

Terus amalkan norma baharu dan berusaha mengurangkan pergerakan dengan sewajarnya untuk perkara yang perlu sahaja.

Ini kerana Fasa 2 bukan 'tiket' untuk lebih banyak kelonggaran diberikan.

Dak Mat : #Kitajagakita

Bertambahlah Ziyad

INSIDEN penarikan balik pingat emas atlet paralimpik kita, Muhammad Ziyad Zolkeflie tempoh hari atas sebab teknikal, memang menyedihkan.

Tatkala anak Malaysia itu menggagarkan arena sukan Paralimpik Tokyo 2020 dengan mencatat rekod baru dunia 17.94 meter acara lontar peluru, ke-menangan 'dinafikan'.

Sekali gus ia meranapkan impian Malaysia menambah pingat atau setidaknya pertahankan pingat emas acara sama dimenangi Ziyad di temasya Paralimpik Rio, Brazil 2016.

Mat tidak mahu ulas panjang tapi cukup terkesan dengan kenyataan Datuk Seri Zolkples Embong.

Bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara itu berpendapat kontingen negara dan rakyat Malaysia tidak wajar menyalahkan pasukan Ukraine kerana mereka ada hak buat bantahan atas kecualian di pihak kita.

Kita tidak tahu apa sebenar berlaku kerana tidak berada di sana, namun boleh mengambil ikhtiar pengalaman Zolkples ketika mengetuai kontingen ke Sukan Asia 2010 dan Sukan Paralimpik London 2012.

Bagi mengelak masalah, beliau menggariskan pegawai pengiring untuk memastikan setiap atlet berada di venue pertandingan dua jam awal sebelum acara bermula.

Bagi Mat ia pengajaran paling berguna kepada setiap pegawai kontingen negara supaya tidak mengulangi kesilapan sama pada masa hadapan.

Ini bukan pertandingan peringkat sekolah atau SUKMA, tapi temasya tertinggi dunia iaitu Paralimpik dan menuntut komitmen 100 peratus daripada semua pihak terbabit.

Dak Mat : Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.

Kabinet jalan terus

PERALIHAN tampak pentadbiran negara sebanyak dua kali dalam tempoh se-penggal sudah menjadi sejarah.

Biarpun sukar untuk dicerna oleh minda itulah realiti yang perlu dihadam oleh kita semua.

Tumpuan rakyat Malaysia kini kepada jemaah Kabinet baharu di bawah kepimpinan Perdana Menteri (PM) baharu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dalam menjalankan fungsinya.

Yang pasti, bilangan 31 menteri dan 38 timbalan menteri dalam kerajaan kini dikenakan sama seperti pada pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sama ada pelantikan jemaah menteri terbabit dipertikai atau disokong, ia soal lain.

Bagi Mat, kombinasi muka baharu dan yang berpengalaman dalam Kabinet ini mampu mencapai hasrat PM khususnya membantu negara memulihkan ekonomi dan mengembalikan kesejahteraan rakyat.

Tiga prinsip digariskan untuk jemaah Kabinet iaitu peka dengan keperluan semasa: bertanggungjawab dan beramanah serta mengembalikan semula keyakinan rakyat harus 'dihadam' sebaiknya oleh mereka.

Mat harap, menteri dan timbalan menteri ini akan benar-benar mendengar teguran dan cadangan oleh ramai pihak termasuk pihak pembangkang demi kepentingan bersama.

Pendek kata, mereka juga wajib jadi 'pakan' dalam portfolio sendiri agar tidak dipertikai kewibawaan apabila tersilap mengeluarkan kenyataan ataupun memperkenalkan polisi 'pelik' dan 'mengarut'.

Dak Mat : Selamat bertugas 'YB'!

Semangat merdeka anak-anak cilik

Farah Suhaidah Othman

BANDARAYA MELAKA -

"Budak-budak 'nijam' (sekarang) cukup susah nak ada semangat patriotisme, itu sebab makcik terapkan nilai-nilai itu dalam diri cucu-cucu makcik."

Itu kata Aminah Abu Bakar, 70 yang tidak pernah gagal membuat pakaian khas untuk lima cucu perempuannya, Muazarah Aisyah Mohd Saiful, 4, Maryam Azzahra, 6, Sri Fathyraa Fadzrul, 5, Kyraa Lea, 7, dan Nur Nasyaa, 8 setiap tahun.

Sebuah pakaian bagi sambutan merdeka dijahit oleh Aminah sendiri daripada kain corak bendera Malaysia supaya semangat cintakan negara tidak pudar dalam hati mereka apabila mereka besar kelak.

Dia berkata, setiap tahun dia akan membawa semua cucu perempuannya berusia antara empat hingga lapan tahun menaiki kereta tolak ke Jalan Hang Tuah bagi menyaksikan perarakan sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri.

Katanya, sejak COVID-19 melanda negara dan tiada sambutan besar-besaran dibuat sejak dua tahun lalu, dia terpaksa menonton dari kaca televisyen secara langsung sambil memakaikan cucu-cucunya pakaian bendera Malaysia yang dijahitnya sendiri.

"Anak-anak makcik dua-dua



AMINAH (duduk tengah) meraikan bersama lima orang cucunya yang memakai baju kebaya Jalur Gemilang sempena menyambut Hari Kebangsaan ke-64 di Kampung Morten, pada 31 Ogos lepas. FOTO MR Azli

lelaki, Mohd Saiful Mustafa dan Fadzrul, tetapi kedua-duanya dah besar panjang dan tidak minat hendak bersusah-payah serta beria pasang bendera.

"Kalau cucu-cucu makcik, semangat mereka lebih membara kerana sejak kecil mereka teruja hendak sambut merdeka lebih-lebih lagi apabila dipakaikan baju yang dibuat daripada bendera," ketika ditemui di kediamannya di

Kampung Morten, pada 31 Ogos lepas.

Menurut Aminah, dia memaklumkan kepada dua anak lelakinya supaya pulang ke rumah untuk menonton siaran langsung sambutan merdeka di kaca televisyen bersama-sama.

"Semalam (30 Ogos), makcik telefon mak ayah mereka suruh datang pagi-pagi, tak tidur malam dibuatnya, minta mak ayah suruh

cepat hendak pergi rumah nenek.

"Cucu makcik bila kata hendak pasang bendera, pakai baju bendera sambil tengok tv (televisyen) secara live, mereka gembira sangat," katanya.

Sementara itu, ibu Muazarah dan Maryam, Masitah Atiqah Mustaffa, 33 berkata, tiap-tiap tahun ibu mertuanya menjahitkan pakaian buat dua anak perempuannya dan tiga lagi anak saudaranya.

"Pagi-pagi lagi sudah siap pa-kaikan baju kebaya dibuat daripada bendera Malaysia, kalau tahun-tahun sebelum ini baju gaun.

"Kalau dulu ibu bawa mereka berlima untuk tengok perarakan te-tapi tahun lepas dan tahun ini ter-paksa tengok menerusi kaca televisyen tetapi semangat itu masih ada kerana mereka dipakai-kan baju bertemakan semangat pa-triotisme," katanya.

Peniaga agih 1,000 Jalur Gemilang

Din Ahmad

LENDU - Demi kasih akan tanah air tercinta, dua peniaga makanan mengagihkan 1,000 Jalur Gemilang kecil kepada pelanggan di gerainya bagi me-raikan Hari Kebangsaan.

Ahmad al-Idrisi Mustafar, 26, dan rakan kongsi, Majidul Md Jidin, 25, mengambil inisiatif mengagihkan bendera kebangsaan selepas menyaksikan orang ramai memasang Jalur Gemilang pada kendaraan dan kediaman masing-masing.

"Walaupun hanya bendera kecil, sekurang-kurannya ia membuktikan kami juga amat sayang akan tanah air ini dan sanggup berkorban untuk ibu pertwi," katanya ketika ditemui di Laman Santap, Kampung Solok Duku, di sini pada 30 Ogos lepas.

Dia berkata, setiap kali menghulurkan nasi kambing bakar kepada pelanggan, dia tidak lupa untuk menghulurkan Jalur Gemilang sebagai tanda berkongsi semangat sayang akan negara tercinta.

Pelanggan, Mohd Jafri Jaafar, 52, dan isteri Zaiton Saeie, 49, gembira memperoleh Jalur Gemilang ketika mendapatkan nasi kambing bakar dari-pada Ahmad.

"Kami tidak sangka akan memperoleh Jalur Gemilang di gerai ini dan kami ucapan terima kasih serta selamat menyambut Hari Kebangsaan kepada pemilik gerai.

"Mungkin ada pihak menganggap pemberian Jalur Gemilang bersaiz kecil tiada membawa sebarang makna tetapi sekurang-kurangnya memperkenan semangat patriotik anak muda yang berniaga di gerai ini untuk me-raikan kemerdekaan negara," katanya.

Kasih Yana Azlan, 48, berkata dia amat menghargai pemberian Jalur Gemilang kerana ia adalah simbol penyatuan rakyat untuk sama-sama mewujudkan musuh negara sama ada dalam atau luar negara.

"Siapa kata anak muda sekarang tidak patriotik? Anak muda di gerai ini membuktikan mereka prihatin terhadap kemerdekaan negara dan sama-sama kita memeliharanya agar kekal untuk selama-lamanya," katanya.



AHMAD (kanan) menyerahkan Jalur Gemilang dan nasi daging bakar kepada Mohd Jafri (dua kiri) dan Zaiton (kiri) di gerainya di Laman Santap, Kampung Solok Duku, Masjid Tanah.

Kelab AMR bantu 'abang beca'

Fiqa Jamal

BANDA HILIR - Seramai 210 pengayuh beca di Melaka menerima bantuan kit makanan daripada Kelab Anak Muda Relawan (AMR) menerusi Koperasi Abang Becca Melaka dalam Program Bantu Becca Melaka, pada 29 Ogos lalu.

Timbalan Pengurus Kelab AMR, Nurul Farhanah Saffinye berkata, inisiatif itu dilaksanakan bagi mengurangkan beban pengayuh beca di Melaka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, idea itu tercusus hasil aktiviti kelab berkenaan menyantuni gelandangan di sekitar bandar Melaka pada setiap minggu.

"Ada antara golongan miskin kota ini yang jadi gelandangan dan merupakan pengayuh beca yang terjejas, jadi dari situ tercususnya idea untuk melakukan program ini."

"Ikutkan seramai lebih 300 pengayuh beca di negeri ini, namun kami hanya fokus kepada 210 orang sahaja, dan pemilihan penerima adalah menerusi Koperasi Abang Becca Melaka bersama Kelab AMR."

"Selain itu, kami juga telah membuat penyerahan di beberapa rumah pengayuh beca di sepanjang minggu ini, yang mana selain memberi kit makanan, kita turut kenal pasti jika ada ahli keluarga pengayuh terbabit yang memerlukan lampiran pakai buang, susu dan sebagainya," kata-yaa.

Tiga timbalan menteri dari Melaka angkat sumpah



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah



Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Wira Mas Ermeyati Samsuddin



Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong



Setinggi-tinggi Tahniah



KEPADА

Tuan Yang Terutama

Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.,

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

Sambutan Hari Jadi Ke-72

24 Ogos 2021 Bersamaan 15 Muharam 1443H

SETULUS IKHLAS DARIPADA

YB DATUK ROSLAN BIN DATUK HJ. AHMAD

EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur
Ahli Dewan Undangan Negeri Merlimau

Pembangunan menyeluruh jadi tumpuan DUN Serkam

Norizan Abdul Muhid

SERKAM - Pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan pembangunan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam, sekali gus menjamin kesejahteraan kualiti kehidupan penduduk kawasan tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Datuk Zaidi Attan berkata, kemudahan yang dirancang juga perlu seir-

ing dengan keperluan penduduk dengan fokus kepada masalah yang berkaitan dengan kelemahan infrastuktur seperti isu banjir di sesetengah tempat dalam DUN Serkam.

Menurutnya, masalah banjir seperti yang berlaku baru-baru ini di Kampung Serkam dan sekitarnya bukan hanya semata-mata berpunca daripada masalah sistem perparitan.

"Insiden banjir yang melanda DUN Serkam baru-baru ini bukan disebabkan sistem saliran yang tersumbat tetapi berpunca daripada masalah saliran yang tersekat pada bahagian bawah jambatan berdekatan Masjid Serkam Pantai.

"Laluannya yang sempit atau kecil menyukarkan saliran dan gagal menampung limpahan air, senario yang sama turut berlaku pada jambatan berhampiran kawasan Industri Kecil Sederhana (IKS) Serkam.

"Kedua-dua jambatan ini perlu dinaik taraf oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan perkara ini sudah pun dalam perancangan dan pelaksanaan oleh agensi berkenaan," katanya ketika ditemui MHI di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Serkam.

Katanya, permukaan sesetengah tempat yang rendah disebabkan pertambahan bilangan taman perumahan di kawasan itu juga menyebabkan berlakunya limpahan banjir kilat selain faktor hujan lebat luar biasa.

"Misalnya di taman perumahan Pulai Indah serta beberapa taman lain yang dilihat kawasan agak tinggi dan apabila hujan lebat, kapasiti air yang mengalir dari kawasan itu agak banyak.

"Disebabkan jambatan di IKS Serkam sempit, air yang mengalir tidak dapat ditampung oleh jambatan berkenaan, oleh itu, jambatan perlu dibesarkan bagi memudahkan air mengalir keluar ke laut.

Bagi pembangunan keseluruhan DUN Serkam, menurut Zaidi, ketika ini sedang berjalan proses pengambilan tanah bagi memajukan kawasan Pantai Awam Siring meliputi pembinaan laluan baharu bermula kawasan Sri Minyak dan sekitar Tedong.

"Projek dikenali sebagai mySiring ini mengandungi pembinaan enam buah restoran terapung sejauh 300 meter ke laut di bawah pembangunan Kementerian Pelancongan," ujarnya.

Penduduk puas hati



ABDUL Ghani

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Serkam Darat, Abdul Ghani Ahmad, 64, berkata, biarpun banyak projek pembangunan mega sedang dalam perancangan pelaksanaan dalam DUN Serkam namun kemudahan asas penduduk tidak diabaikan dan tetap diberi keutamaan.

Menurutnya, struktur bangunan Masjid Serkam Darat yang kini tidak

selamat digunakan oleh penduduk atau kariah masjid di kampung itu turut mendapat perhatian serta tindakan segera oleh ADUN Serkam, Datuk Zaidi Attan.

"Kali terakhir Masjid Serkam Darat digunakan pada April lalu dan bangunan baharu masjid baharu akan dibina kira-kira 100 meter dari tapak asal di kampung ini.

"Terima kasih tidak terhingga kepada ADUN Serkam dan kerajaan negeri kerana sentiasa prihatin dan mengambil berat keperluan rakyat," katanya.

Katanya, selain mengutamakan penyediaan kemudahan asas, pelbagai pembangunan lain turut dirangka untuk dilaksanakan dalam kawasan DUN tersebut.

Selain itu, menurut Pengurus JPKK Serkam Pantai, Othman Saleh, 63, berkata, masalah banjir yang melanda kampung itu awal tahun ini juga mendapat perhatian sewajarnya dari ADUN kawasan.

BIODATA PENYELARAS DUN SERKAM

Nama : Datuk Zaidi Attan

Tarikh Lahir: 4 Oktober 1969

Umur : 52 tahun

Isteri : Mazni Ramli

Anak : 5 orang

1. Batrisyia Maryam Sofea
2. Muhamad Adibul Kiram
3. Batrisyia Nur Iman
4. Muhamad Rayyan Asyraf
5. Muhamad Zarif Yusuf



Pendidikan Awal :

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwang Hua, Umbai Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Haji Baginda, Umbai Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Mahkota, Umbai Sekolah Menengah Teknik Melaka

Pendidikan Tinggi :

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jurusan Kejuruteraan Elektrik

NGO :

Ahli Jawatankuasa Masjid DUN Serkam Penasihat Kehormat RELA Serkam

Pengalaman Kerja :

Konsultan Rimbunan (1993)
Ahli Perniagaan

Kata Zaidi, pembangunan kawasan Umbai terdiri daripada kerja penambakan laut melibatkan kawasan lebih 180 hektar untuk dimajukan sebagai kawasan pelabuhan minyak dan gas yang juga sebahagian daripada perancangan projek Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ).

Ujar beliau, Pekan Umbai juga bakal mengalami perubahan wajah baharu yang lebih moden pada masa depan dan bagi tujuan itu, kerja-kerja pengambilan tanah di kawasan tersebut kini rancak berjalan.

Selain itu katanya, pembangunan kemudahan baharu juga diwujudkan di kawasan Melaka Halal Hub melibatkan 300 unit baharu dan sebuah Kompleks Klinik Kesihatan Serkam yang baharu juga akan dibina di hadapan bangunan Rimbunan Kasih.

INFOGRAFIK KAWASAN DUN SERKAM

Jumlah Penduduk
30,000 Orang

Jumlah Pengundi
15,748 Orang

Kawasan perumahan

JPKK : 10
Taman Perumahan : 20

Rumah Ibadat



Masjid : 9
Surau : 20
Tokong : 3
Kuil : 1

Pendidikan
Sek Kebangsaan : 6
Sek Menengah : 2

SJKC : 1

SJKT : 1

IPT : 2



Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, jambatan berhampiran Masjid Serkam Pantai akan dinaik taraf tidak lama lagi bagi melancarkan saliran air yang melalui jambatan tersebut.

"Amat sesuai jambatan itu dibersarkan lagi memandangkan kawasan penempatan di sekitarnya semakin

bertambah malah taman perumahan yang terletak bahagian atas Serkam Pantai juga bertambah bilangannya.

"Struktur jambatan sedia ada yang kecil terutama pada bahagian bawahnya perlu dibersarkan bagi menampung limpahan air yang banyak terutama ketika hujan lebat berterusan," ujarnya.



OTHMAN



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Seimbang Islam dan kesihatan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

ANTARA kekuatan yang kita semua rasakan dalam hidup ini pastinya apabila dikurniakan kesihatan yang baik.

Bagi orang yang diuji dengan masalah kesakitan, sudah pasti tubuh badan mereka lemah, kurang selera makan, malah untuk menguntum se nyuman juga terasa berat.

Islam menyarankan umatnya sentiasa menjaga tubuh badan serta mengamalkan cara hidup yang sihat. Kehidupan sihat itu juga adalah satu amanah dalam hubungan manusia dengan Allah SWT. //

Islam menyarankan umatnya sentiasa menjaga tubuh badan serta mengamalkan cara hidup yang sihat. Kehidupan sihat itu juga adalah satu amanah dalam hubungan manusia dengan Allah SWT. //

kan kesihatan yang baik, kita perlu menjaga dan 'mempersembahkan' setiap ibadat dengan baik malah bukan saja dapat melengkapkan ibadat wajib, yang sunat juga tidak ditinggalkan.

Jika tidak berusaha ke arah itu, ia satu kerugian besar kerana kita tidak tahu satu masa nanti kita diuji dengan penyakit dan ketika itu amalan yang hendak dilaksanakan pastinya tidak sebaik ketika masih sihat.

Benar ada yang mengatakan, manusia akan merasa sesuatu nikmat itu apabila kita kehilangannya kerana terlalu banyak nikmat yang kita peroleh daripada Allah SWT sebagai bukti kebesaran-Nya, cuma terlalu sedikit manusia mengucapkan rasa syukur.

Dalam Surah an-Nahl, ayat 18, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sekiranya kamu menghitung nikmat Allah, tialah kamu dapat menghitungnya, Allah Maha Pengampun,

lagi Maha Mengasihani."

Pastikan setiap kali selepas solat, jadikan doa yang wajib kita ungkapkan kepada Allah SWT adalah supaya diberikan kesihatan yang baik.

Di dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Kenikmatan pertama yang perlu dipertanggungjawabkan oleh hamba Allah pada hari akhirat adalah pertanyaan, 'Bukankah Kami menyihatkan tubuh kamu dan Kami hilangkan dahaga kamu dengan air yang dingin?'

Rasulullah SAW menyambung: "Tidak seorang pun dizzinkan bergerak daripada kedudukannya pada hari akhirat sehingga dia menjawab bagaimana dia menghabiskan hidupnya, bagaimana dia gunakan pengetahuannya, dari mana dia memperoleh dan ke mana dia belanjakan hartanya dan bagaimana dia gunakan kesihatannya." (Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi)



JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

PERKHIDMATAN SEMAKAN Arah Kiblat RUMAH PERSENDIRIAN

RM100


PERCUMA 3 STICKER

HUBUNGI :

BAHAGIAN FALAK SYARIE
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA
ARAS 2, IMARAH A
PUSAT ISLAM MELAKA
75400 MELAKA

06-2847920
06-2847921

www.muftimelaka.gov.my



f Jabatan Mufti Negeri Melaka
t @MuftiMelaka



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)




Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



SERAHAN sumbangan cek kepada beberapa buah masjid dan surau di sekitar daerah Melaka Tengah telah disempurnakan oleh Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim. Sumbangan berkenaan memberi tumpuan kepada proses kerja baik pulih truktur bumbung dan bangunan masjid mahupun surau yang terpilih.

PENYAMPAIAN kit makanan kepada 12 buah keluarga di sekitar Kampung Kilang Beripi dalam DUN Merlimau yang terkesan berikutan sedang menjalani proses kuarantin di rumah mereka. Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM Cawangan Merlimau bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Merlimau menyantuni dan menyampaikan kit berkenaan bagi meringankan beban keluarga tersebut.



TINJAU...Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil bersama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim mengadakan lawatan kerja ke tapak cadangan penubuhan Maahad Tahfiz Bestari di Pulau Besar baru-baru ini. Turut sama Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Dato' Che Shukri Che Mat.

Jagalah hubungan dengan Allah SWT



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

SETIAP umat Islam wajib bertakwa dan menjaga hubungan dengan Allah SWT. Secara umumnya, perhubungan baik dengan Allah SWT adalah dengan cara menunaikan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sebagaimana Surah Adz-Dzaariyat ayat 56 yang bermaksud: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia, melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaku".

Sebagai seorang muslim, kita wajiblah mengambil tahu sepertimana tuntutan Rukun Islam yang lima. Secara dasarnya, kelima-lima Rukun Islam ini bertindak sebagai tiang agama Islam yang suci. Rukun Islam yang pertama adalah mengucap dua kalimah syahadah. Seseorang yang ingin menjadi individu muslim adalah wajib untuk mengucap dua kalimah syahadah terlebih dahulu; "Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah SWT". Kalimah syahadah tersebut menjelaskan bahawa yang patut disembah hanyalah Allah SWT sahaja. Tidak ada Tuhan selain Allah SWT dan Allah SWT yang menguasai seluruh isi alam semesta.

Rukun Islam kedua adalah menunaikan solat wajib lima waktu. Teorinya, kita berkomunikasi dengan Allah SWT melalui solat, dimana kita dituntut untuk menunaikan solat dengan khusyuk dan disudahi dengan berzikir memuji-muji Allah SWT serta berdoa kepada-Nya. Sebagai hamba-Nya, kita boleh meluahkan apa sahaja yang kita rasai tanpa rasa bimbang atau khawatir rahsia itu akan diketahui oleh orang lain. Allah SWT Maha Pendengar dan Maha Penyayang. Setiap hari umat Islam wajib menunaikan lima kali solat wajib iaitu Solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

Seterusnya, Rukun Islam yang ketiga adalah menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan. Setiap tahun, umat Islam akan berpuasa dan menahan diri dari lapar di siang hari selama sebulan. Sepanjang bulan Ramadan, kita bukan sahaja dilatih untuk menahan diri dari berlapar, malah kita juga belajar untuk menahan anggota badan dari perkara yang membantalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.

Bulan Ramadan juga merupakan bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam kerana merupakan bulan yang penuh kemuliaan dan di dalamnya terkandung malam Lailatulqadar.

Rukun Islam keempat adalah menunaikan ibadah zakat iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Zakat dari segi syarak adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya. Konsepnya, zakat adalah merupakan penggerak ekonomi dan jaminan sosial bagi golongan yang tidak mampu supaya memainkan peranan dalam ekonomi.

Sebagai contoh, golongan asnaf diberi sumbangan bukan sahaja dari segi bantuan kewangan, malah mereka juga diberikan ilmu tambahan bagi meningkatkan taraf hidup serta ekonomi yang boleh digunakan sebagai pemangkin untuk berjaya. Buktinya, ramai di antara asnaf yang telah berjaya keluar daripada kemiskinan dan kini menjadi pembayar zakat pula. Begitulah kitaran manusia ada yang miskin dan ada yang kaya, ada yang senang dan ada yang susah. Jadi, kita perlulah bantu-membantu antara satu sama lain seperti yang ditutut dalam syariat Islam.

Baru-baru ini, seluruh dunia khasnya bumi Malaysia sedang diuji dengan pandemik COVID-19. Akibatnya, ramai di kalangan kita yang terkesan dan terjejas. Terdapat juga mereka yang terputus bekalan makanan akibat pandemik COVID-19 ini. Justeru itu, umat Islam amat dituntut bersama-sama membantu mereka yang terjejas dengan menunaikan ibadah zakat ini. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 103; "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana se-sungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Men-dengar, lagi Maha Mengetahui".

Akhir sekali, Rukun Islam kelima adalah menunaikan ibadah haji bagi mereka yang mampu. Semua umat Islam yang mampu wajib mengerjakan haji. Umat Islam harus mengerjakan rukun ini sekurang-kurangnya sekali dalam hidup kita. Ibadah haji tidak sama sebagaimana ibadah lain yang boleh dilakukan sewaktu berada di tempat kediaman di negeri sendiri. Sebaliknya, ibadah haji hanya boleh dikerjakan di kota suci Mekah dan dilakukan dalam musim haji sahaja iaitu pada bulan Zulhijjah. Oleh itu, kita sebagai hambanya perlu memasang niat untuk mengerjakan haji di

samping berusaha untuk memenuhi keperluan yang diperlukan. Ini kerana haji merupakan satu jihad iaitu satu perjuangan dalam Islam.

Kesimpulannya sebagai umat Islam yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, haruslah sentiasa menjaga hubungan baik dengan Allah SWT dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Hal ini kerana Allah SWT akan memenuhi hati kita dengan rahmat-Nya di setiap masa, waktu dan ketika. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

ALMANAH ASTRONOMI 2021

BULAN SEPTEMBER

14 SEPTEMBER 2021

ISTIQBAL NEPTUN

21 SEPTEMBER 2021

FASA BULAN PENUH

23 SEPTEMBER 2021

EKUINOKS SEPTEMBER

Matahari akan berada pada kedudukan di atas garisan Khatulistiwa.
Matahari akan terbit tepat di timur dan terbenam tepat di barat.

FASA-FASA BULAN

7 SEPTEMBER	14 SEPTEMBER	29 SEPTEMBER
FASA BULAN BABU 06:52	FASA BULAN SUKUAN AWAL 04:39	FASA BULAN SUKUAN AKHIR 09:07

www.muftimelaka.gov.my [Facebook](#) [Twitter](#) [Instagram](#)



Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





Skim

BANTUAN MAIM



01  Bantuan Makanan Bulanan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	02  Bantuan Saraan Anak Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	03  Bantuan Saraan Anak IPT Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
04  Bantuan Sakit Kronik Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	05  Bantuan Sakit Terlantar Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	06  Bantuan Skim Simpanan Fakir Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
07  Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	08  Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	09  Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
10  Bantuan Pakaian Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	11  Pekerja Sukarelawan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	12  Bantuan Alat Bantu Pulih Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
13  Bantuan Khairat Kematian Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	14  Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	15  Bantuan Am Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
16  Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	17  Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	18  Bantuan Aidiladha Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
19  Bantuan Skim Simpanan Muallaf Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	*terbuka mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	



IALAH ANDA!

Nak tahu?

Peranti Pintar 5G

Kandungan kreatif

Perniagaan dalam talian

Cybersecurity

Di MMU ada jawapannya.

Kemasukkan
September
2021 Kini
Dibuka

**MMU ialah Anda
Menerajui Masa Hadapan Digital**

Layari mmu.edu.my






WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

TAJUK: PEMBENTUKAN MALAYSIA



1. Idea Gagasan Malaysia ialah konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara. Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

- (a) Namakan dua pegawai British yang pernah mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

i).....

ii).....

[2 markah]

- (b) Terangkan faktor pembentukan Malaysia.

.....
[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah faedah yang dinikmati rakyat sehingga kini hasil daripada rancangan pembentukan Malaysia?

.....
[4 markah]

2. Negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand menunjukkan pelbagai reaksi terhadap rancangan pembentukan Malaysia.

- (a) Bagaimanakah reaksi Filipina dan Thailand terhadap cadangan pembentukan Malaysia?

[6 markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan peristiwa konfrontasi terhadap Malaysia



Jelaskan tindakan Indonesia untuk menggagalkan usaha pembentukan Malaysia
[8 markah]

- (c) Kejayaan pembentukan Malaysia membuktikan kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin negara. Berikan penjelasan anda.

[6 markah]

JAWAPAN

1. (a) Namakan dua pegawai British yang pernah mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

	Butiran	Markah
F1	Lord Brassey	1
F2	Sir Malcolm MacDonald	1
F3	Sir Gerald Templer	1
F4	Sir Geofroy Tory	1
	[2m]	

- (b) Terangkan faktor pembentukan Malaysia

	Butiran	Markah
F1	Keselamatan	1
H1a	Ancaman Komunis di Singapura	1
H1b	Tunku Abdul Rahman menganggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis	1
H1c	Ancaman Komunis di Sarawak	1
H1d	Ancaman Komunis melalui Gerakan Clandestine Communist Organization (CCO)	1
F2	Keseimbangan komposisi penduduk	1
H2a	Menyeimbangkan komposisi penduduk antara orang Melayu & Cina	1
H2b	Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum	1
F3	Mempercepat kemerdekaan	1
H3a	Mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, terutama Sarawak dan Sabah Merealisasi rancangan dekolonialisasi.	1
H3b	Pembangunan wilayah	1
F4	Meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek	1
H4a	Seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang	1
	[4m]	

- (c) Pada pendapat anda, apakah faedah yang dinikmati rakyat sehingga kini hasil daripada rancangan pembentukan Malaysia?

	Butiran	Markah
F1	Mewujudkan ketabilan politik	1
F2	Meningkatkan kemakmuran ekonomi negara	1
F3	Meningkatkan taraf hidup rakyat	1
F4	Memajukan sistem pendidikan	1
F5	Meningkatkan infrastruktur dan kemudahan asas	1
F6	Menyeimbangkan pembangunan antara wilayah yang sekata	1
F7	Memupuk perpaduan kaum	1
F8	Meluaskan pasaran dan kerjasama ekonomi	1
F9	Menjamin keselamatan negara	1
F10	Memanfaatkan sumber ekonomi secara bersama	1
	Mana-mana jawapan yang munasabah	[4m]

2. (a) Bagaimanakah reaksi Filipina dan Thailand terhadap cadangan pembentukan Malaysia?

	Butiran	Markah
F1	Presiden Macapagal menentang pembentukan Malaysia.	1
H1a	Menuntut wilayah Sabah.	1
H1b	Bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, tuntutan tersebut di bawah urusan kerajaan British.	1
F2	Kerajaan Thailand memberikan reaksi positif.	1
H2a	Menerima idea pembentukan Malaysia.	1
H2b	Dianggap dapat memperkuat usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara	1
	[6m]	

- (b) Jelaskan tindakan Indonesia untuk menggagalkan usaha pembentukan Malaysia

	Butiran	Markah
F1	Parti Komunis Indonesia menggunakan kesempatan menyelar rancangan Malaysia	1
H1a	Penerusan dasar neokolonialisme yang dirancang oleh kerajaan British. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.	1
F2	Alasannya ialah mengancam kedudukan Indonesia.	1
F3	20 Januari 1963, melancarkan Ganyang Malaysia.	1
F4	16 Januari 1963 – 27 Mac 1963 serangan gerila di Sarawak.	1
F5	Ogos – Disember 1964, pendaratan gerila di Johor.	1
F6	Pada 12 April 1963, pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak.	1
F7	Pada 29 Disember 1963, peristiwa berbalas tembakan di Kalabakan, Sabah.	1
	Pada 2 September 1964, 30 gerila Indonesia mendarat di Labis, Johor, namun berjaya ditahan oleh tentera Malaysia.	[8m]

- (c) Kejayaan pembentukan Malaysia membuktikan kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin negara. Berikan penjelasan anda.

	Butiran	Markah
F1	Tunku Abdul Rahman dan pemimpin negara berpandangan jauh dan berwawasan.	1
F2	Kerjasama pemimpin Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.	1
F3	Dasar toleransi diamalkan	1
F4	Rundingan dan amalan muafakat	1
F5	Pemimpin tidak mementingkan diri sendiri	1
F6	Mengutamakan kesejahteraan rakyat.	1
F7	Menggunakan cara diplomasi untuk mengatasi masalah	1
F8	Menggunakan saluran diplomatik untuk mengatasi ancaman dari negara lain.	1
F9	Bersatu hati menentang anasir luar yang mahu menghancurkan kedaulatan negara	1
	[6m]	



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

The Siamese Farang: Quest for *Siwilai* and Identity



FARANG statue outside Wat Pho in Bangkok, Thailand.

THE Thais, like some ethnicities in the world, experience problems of self and identity. One is how the foreign Other defines Thai and Thainess. That Other is called Farang - crucially influential in Thai cultural and intellectual discourse. Thai national and cultural identities are in the constant process of making and remaking. The Farang is like the Ferringhi in the Malay imagination. But unlike the Siamese Farang, the Ferringhi is seen by the Malays as benign.

These conditions may well inform us on our Thai neighbor. Malaysia's history with Thailand is a complex one. Beyond the description of the Siamese in various episodes in Malaysia's past, and especially the description of 'Siam perut hijau' (literally, green bellied Siamese), with its various narratives, the rest of the Malays are generally ambivalent of their Siamese/Thai other.

In his 1946 memoir, Prince Damrong, son of King Mongkut, mentioned his childhood desire for a metal Farang pen (pakka farang), distinguishable from the Siamese wooden pen or brush. His half-brother and newly-crowned King Chulalongkorn gave him a green Farang jacket upon his first royal audience. These were described as 'modern things'

In modern Thai cultural landscape, adopting certain Farang ways of life and consuming Farang things had formed crucial methods to civilizing or building the 'New Siam' empire. It maintains the Siamese 'quest for *siwilai*' (civilized status) in promoting Westernized modes of consumption and self-presentation.

Thai historian Thongchai Winichakul (2000) describes the royal elites as considering themselves 'civilizing agents', largely re-fashioning themselves after Farang civilization and projecting their desired status away from the image of 'traditional' Siamese rulers. The Farang was always mentioned as a generic reference to Westerners, e.g., "farang, angkrit, wi-landa" (literally, Westerner, English, Dutch). The Portuguese was probably the first Europeans they encountered.

Siam, prior to the reign of King Chulalongkorn had always opened itself to the world. It was not a closed Kingdom as generally conceived of. The Siamese, especially the ruling elite, had been highly cosmopolitan and self-conscious of their own positions as well as images of themselves and Siam in the eyes of the world.

Farang refers to any White people in general. Prince Damrong, who was then an expatriate living in Pulau Pinang, as a consequence of the 1932 Revolution wrote to his critic: "We the Thais follow the Indians in using the term Farang. I once read an account concerning the origin of this term, Frank,

which refers to a group of European people who once occupied the land of today's France."

He argued that all European peoples were addressed as 'Franks' which later on had become 'Frenghi.' According to Prince Damrong, the Indians addressed the Portuguese as "Frenghi," "Despite having contacts with many European nationalities, the Indians have still retained this name for the Portuguese and their [racially] mix-blooded descendants."

Hence, to Prince Damrong, Farang derives from the Indian reference to European

and subsequently to all Europeans. It would be a Farsi loanword into Siamese, such as *kulab* from *gulab*, and *angun* from *angur*.

Anthropologist Pattana Kitiarsa in his writings has described the complex relations between the Siamese and white foreigners as "An Ambiguous Intimacy: Farang as Siamese Occidentalism" (2010). An earlier 2004 version was titled "The Ambiguous Allures of the West: Power, Aesthetics and the Role of 'Cultural Others' in the Making of Thai Identities. In 2005 it was published as "Farang as Sia-

cultural and political connotations seen in the markers Chek/Jek (Mainland and Overseas Chinese, Sino-Thai), Khaek (Persian, Indo-Malay, South Asian, West Asian and most Asian Muslims). This identification significantly affects the exercise to redefine and remake Siam's national and cultural selves.

It has been argued that the Siamese classified the West and Muslims as "barbaric, exotic, and religiously out-castes." The non-Siamese others is judged and defined as Others to self-consciously insist that "We-Siam are not uncivilized or Barbaric."

Farang is a linguistic as well as a cultural signifier of cosmopolitanism. From the Thai perspective, it demonstrates Siamese experiences of intercultural contacts and exchanges. The Farang in early Siamese history during the 16th and 17th centuries, comprises European travelers, traders, mercenaries and missionaries during the Ayutthaya period. The Farang carry dubious identities, maintaining close relationships within their own ethnoculturally bounded communities. The Ayutthaya community also comprises other non-Farang foreigners of different origins such as the Burmese, Chinese, Japanese, Mons, Persians, and Malays.

// Drawing from expressions of leading Thai public intellectuals, Kitiarsa draws a picture of the Farang in the following way: "...the wicked Other of the Thai. From time to time, the West has been represented as the giant, tricky wolf, while Siam the little helpless and innocent lamb.//

contacts, especially the Portuguese. The Siamese have adopted the Indian marker of the West and redefined it to suit their own experiences. In a way, it reinforces the royal elite's projection of strong religio-cultural ties between Siamese and Indic civilizations. Prince Damrong made a general reference to India. He was not entirely correct. In my earlier writings though, I cited that in Tamil, the 'Franks' are variably referred to as 'pirangi,' 'parangiar,' 'farengi' and 'farangi.' In Tamil Nadu, there is a place called Peranggi Pettai (a foreigner's or White village). In Malayalam it is 'Farangi' or 'Parangki'; and Hindi Farenghi' and 'Firangi.'

It was the Persian or the Farsi-speakers from the Indian subcontinent who played their part in transporting the word to Ayutthaya in the sixteenth century. The Persian word was 'Farang', referring to early Portuguese traders

mese Occidentalism" by the Asia Research Institute, National University of Singapore.

Drawing from expressions of leading Thai public intellectuals, Kitiarsa draws a picture of the Farang in the following way: "...the wicked Other of the Thai. From time to time, the West has been represented as the giant, tricky wolf, while Siam the little helpless and innocent lamb."

How have Farang become part of the discourses on Thainess? The Farang has to be read as a Thai production system of power/knowledge concerning the West, representing an ethnocultural mirror measuring and projecting the hierarchical distance and otherness between the imagined Thai "We-Self" and the constructed "Western Other". Winichakul (1994) calls this "negative identification" together with some non-Thai socio-

**NEXT WEEK:
Al-Imam and Japan**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. SHANKAR GUNARASA

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

HERNIA inguinal adalah hernia yang paling kerap di lihat di bahagian abdomen. Hernia inguinal ini berlaku di sebabkan oleh bonjolan yang keluar dari dalam abdomen (biasanya usus besar, usus kecil dan lapisan lemak omentum) ke luar abdomen yang dilapisi membran nipis yang membentuk kantung atau hernia sac. Ianya berlaku di perkelangkang kaki dan 75 peratus masalah hernia di sebabkan oleh inguinal hernia. Golongan lelaki lebih kerap menghadapi masalah ini berbanding golongan wanita. Inguinal hernia ini terdiri daripada dua jenis iaitu inguinal hernia langsung (*direct*) dan inguinal hernia tidak langsung (*indirect*).

Inguinal hernia berlaku pada kawasan di mana dinding abdomen yang agak kurang tebal. Ia biasanya tidak menonjol ke dalam skrotum. Hernia langsung ini lebih cenderung berlaku kepada mereka yang berada di peringkat pertengahan umur dan

"Inguinal hernia juga boleh berlaku di kalangan para atlet, lebih-lebih lagi dengan sukan lasak seperti bolasepak."

orang tua. Ini disebabkan dinding abdomen menjadi semakin lemah bila umur meningkat. Inguinal hernia tidak langsung ini berlaku akibat bonjolan terkeluar melalui jalan yang pernah dilalui oleh testis (buah zakar) semasa perkembangan di peringkat janin dahulu. Kadangkala bonjolon ini terkeluar ke dalam kantung buah zakar. Biasanya hernia jenis ini berlaku pada usia yang muda

FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB HERNIA


Henia kebiasanya berlaku disebabkan oleh peningkatan tekanan di dalam ruang abdomen yang berlebihan yang boleh menyebabkan bonjolon keluar dari abdomen dan menyumbang kepada hernia. Antara faktor-faktornya ialah

- **Obesiti.**
- **Mengangkat objek berat atau aktiviti angkat berat.**
- **Batuk seperti penyakit paru-paru kronik.**
- **Meneran semasa buang air besar atau kecil.**
- **Ada cecair di dalam ruang abdomen atau ascites.**

Inguinal hernia juga boleh berlaku di kalangan para atlet, lebih-lebih lagi dengan sukan lasak seperti bolasepak. Kerap anda mendengar tentang pemain bolasepak mengalami "*groin injury*" di sebabkan menjangkau bola. Kebiasanya mereka lebih cenderung mengalami masalah "*direct*" inguinal hernia. Namun cara mendiagnosis dan rawatan tetap sama.

APAKAH TANDA-TANDA HERNIA INGUINALINI?

Symptom yang utama adalah bonjolan yang tiba-tiba timbul di bahagian paha, inguinal iaitu di bahagian ari-ari. Ianya akan timbul dan hilang sama sekali seperti angin pasang. Sesetengah bonjolan ini tidak akan hilang dan bila ini berlaku, pesakit akan mengadu kesakitan. Lebih-lebih lagi apabila meneran atau menjalani aktiviti lasak, kesakitannya akan menjadi lebih ketara. Masalah hernia inguinal ini boleh memberi masalah yang parah. Bila kantung hernia tersebut mengandungi usus kecil atau besar, pesakit akan mengalami "*intestinal obstruction*" dan akan mengalami masalah kembung perut. Keadaan ini memaksa pesakit terpaksa menjalani



lani pembedahan untuk mengelakkan usus bocor.

Ada yang datang dengan gejala dan tanda-tanda yang teruk seperti bonjolan yang sakit (*incarcerated*). Kulit luar mungkin kelihatan merah kehitaman dan pesakit mungkin demam. Ini adalah akibat kandungan bonjolan seperti usus telah mengalami kekurangan bekalan darah akibat himpitan (jerutan) salur darah biasanya di lubang bukaan hernia. Ia dikenali sebagai angin pasang terbelit "*strangulated inguinal hernia*" dan memerlukan pembedahan serta merta untuk mengelakkan usus menjadi hitam atau ischaemia.

RAWATAN

Rawatan untuk hernia adalah untuk mengelakkan faktor-faktor yang boleh meningkatkan tekanan di

Simptom yang utama adalah bonjolan yang tiba-tiba timbul di bahagian paha, inguinal iaitu di bahagian ari-ari.

ruang abdomen. Ini terdiri daripada merawat sembelit dan juga masalah prostat yang membesar seperti "*benign prostatic hyperplasia*" (BPH). Kedua-dua faktor ini boleh menyebabkan masalah hernia inguinal dan mesti di rawat sebelum pembedahan boleh dilakukan.

Rawatan yang lazim di gunakan untuk hernia inguinal ini ialah pembedahan secara tradisi seperti "*open inguinal hernia*". Tetapi sekarang dengan adanya "*key-hole surgery*", pembedahan "*laparoscopic inguinal hernia*" dapat dilakukan.

Kebaikan cara laparoskopi ini ialah pesakit akan merasa kurang sakit, dapat pulang ke kerja awal dan bagi para atlet, dapat kembali ke aktiviti secepat mungkin. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah hernia inguinal ini, boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131

Rawatan untuk hernia adalah untuk mengelakkan faktor-faktor yang boleh meningkatkan tekanan di ruang abdomen.



COURTYARD VILLAS

Country Villas Resort, Malacca



PHASE 4 TORREY PINES



ABOUT THE PROPERTY

Country Villas Resort is a guarded community project which brings out the best of nature and healthy country living of your family, our Villas are designed to give you optimum space, comfort, luxury and excellence.

OUR PROPERTY FEATURES

- Garden Courtyard
- Smart Door Lock
- 2-Cars Garage
- 12' Ceiling High
- 4 Beds + 4 Baths
- Living Room
- Free 2 Years UNIFI
- Dining Room

+6013 352 0688

+6013 533 5688

+6013 618 0688

*No. Lesen Pemaju Perumahan: 12308-5/02-2022/01182(L) *Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022 *No. Permit Iklan Jualan: 12308-5/02-2021/01182(P) *Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022

*Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya *No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan: MPHTJ/JKB/03511/11/2017 *Tarikh Jangka Siap: August 2021 *Pegangan Tanah: 99 Tahun

*Tarikh Tamat Pajakan: 26 November 2118 *Bebanan Tanah: Tiada *Bilangan unit: 183 *Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat, Harga (Min.): RM 500,000.00 Harga (Maks.): RM 730,000.00

*Syarat-syarat Nyata: Tanah ini hendaklah digunakan untuk mendirikan rumah kediaman sahaja *Sekatan-sekatan kepentingan: Kod B: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Semangat 'Lorong Merdeka' terus hidup



BAHARUDIN

SUASANA meriah Lorong 3, Taman Kesang Indah, Jasin yang dipenuhi dengan hiasan Jalur Gemilang ternyata membakar semangat penduduk setempat untuk meraikan Hari Kemerdekaan Negara dalam norma baharu.



Fiqah Jamal
Foto MR Azli

MENJEJAKKAN kaki ke Lorong 3, Taman Kesang Indah, Jasin, di sini, pasti membuatkan sesiapa sahaja terpukau, malah langkah menjadi kaku menjawai perasan hiba yang tiba-tiba menerjah perasaan.

Malah, tidak keterlaluan rasanya apabila bulu romah penulis tiba-tiba meremang melihat kesungguhan dan pengorbanan penduduknya yang sanggup berhabis masa dan wang ringgit menghiasi rumah dengan pelbagai hiasan bertemakan Hari Merdeka.

Mungkin disebabkan itulah, Lorong 3 itu digelar dengan nama 'Lorong Merdeka' oleh penduduknya kerana kemeriahannya hiasan rumah-rumah menggunakan Jalur Gemilang dirasai setiap pelosok lorong tersebut.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di taman tersebut pada malam ambang Hari Kemerdekaan ke-64 hari ini malam tadi mendapat lebih lima buah rumah di lorong terbabit yang dihiasi dengan bendera Malaysia dijadikan pelbagai corak motif hiasan yang menarik.

Menurut penduduk di situ, meskipun dalam keadaan pandemik COVID-19 melanda negara, itu tidak menghalang daripada mereka menghiasi rumah saban tahun apabila menjelangnya 31 Ogos.

Bagi penduduk, Baharudin Kanchil, 60, bulan Ogos setiap tahun bagi dinanti oleh se- tiap penduduk di lorong itu termasuk dirinya yang sudah menetap di situ sejak hampir 20

tahun lalu.

Menurutnya, setiap kali tibanya Bulan Merdeka, dia bersama isteri dan anak-anak akan mula memasang bendera di hadapan rumah dan menghiasi mengikut tema sambutan.

Jelasnya, dia turut menghulurkan bantuan kepada jiran-jiran yang memerlukan bantuan untuk memasang bendera dan menyifatkan hubungan mereka sesama jiran akrab seperti keluarga.

"Hampir 10 tahun menghias rumah tiap kali Bulan Merdeka tiba, bagi saya ini cara saya mempamerkan rasa cinta pada Malaysia, selepas saya hias begini, ramai jiran-jiran mula terikut untuk menghias rumah."

"Bulan Merdeka ini sangat istimewa bagi kami sekeluarga untuk menonjolkan jiwa patriotik dan sayangkan negara."

"Lama-kelamaan, tak sangka pula jiran-jiran mula terikut untuk pasang bendera, malah kami saling membantu menghias rumah masing-masing," katanya ketika ditemui MHI di sini.

Nada yang sama disuarakan seorang warga emas, Hassan Ali, 72, yang sudah menetap di taman tersebut hampir 25 tahun.

Katanya, dia menghias rumah setiap kali tibanya Ogos kerana ingin mempamerkan rasa patriotik pada negara dan tiada niat untuk bertanding sesama jiran.

Kongsinya, dia yang lahir sebelum merdeka turut melalui pelbagai peristiwa ketika negara berdepan peristiwa hitam sebelum merdeka dan turut mengenangkan ayahnya

yang juga bekas prajurit negara ketika peristiwa di Bukit Kepong.

"Saya masih kecil ketika peristiwa-peristiwa hitam negara kita lalui itu, jadi saya ingat bagaimana susah dan payahnya nak mencapai kemerdekaan negara, ayah saya sendiri polis yang terlibat dalam pertumpahan darah di Bukit Kepong."

"Kalau tidak ada COVID-19 ini kami jiran-

jiran akan datang berkumpul, macam hari raya, tonton filem merdeka bersama di perkangan rumah untuk mengenang pengorbanan wira-wirawati negara dahulu.

"Sebab itulah, kami para penduduk menggelarkan jalan ini sebagai 'Lorong Merdeka' kerana kemeriahannya yang lebih dirasai berbanding sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri," ujarnya.



JAWATAN KOSONG

MELAKA HARIINI

KEMASUKAN SEGERA

Kami perlukan:

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Syarat-syarat:

- Bumiputera berusia 18 tahun ke atas
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan dengan pengalaman minimum 2 tahun
- Berpengalaman sebagai Webmaster; memastikan reka bentuk laman web yang menarik;
- Memastikan kelancaran server web, hardware dan software meliputi sokongan IT

Emelkan permohonan ke pentadbiranmhlsb@gmail.com
Maklumat lanjut: Puan Nurhazirah Abdul Aziz (06-2519314 /15)
Tarikh tutup: 9 Sept 2021



BAHARUDIN bersama isteri, Salmah Md Ali menghias rumah mereka dengan kibaran Jalur Gemilang.



KELUARGA MALAYSIA & KEMERDEKAAN

"MELAKA MENGGAMIT DUNIA FAJAR KEBANGKITAN BAHARU"

Dan
PELANGCARAN BUKU "MEWAJAH MELAKA MENGGAMIT DUNIA"



(Isnin) 13 September 2021
9.00 Pagi – 1.00 Tengahari
Secara Maya (Facebook Live)



FACEBOOK RASMI
KERAJAAN NEGERI MELAKA



SESI UCAP UTAMA:

"MELAKA MENGGAMIT DUNIA-FAJAR KEBANGKITAN BAHARU"

Oleh : YAB Datuk Seri Utama (Dr) Hj Sulaiman bin Md Ali,
Ketua Menteri Melaka

SESI 1 : MELAKA MENGGAMIT DUNIA : FAJAR KEBANGKITAN BAHARU



Moderator:
YBhg Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan
Pengerusi Dewan Senior Majlis Dakwah Negara



Panel Jemputan 1
YBhg. Prof Tan Sri Dato' Seri Dr Noor Azlan bin Ghazali
Pengarah Eksekutif Sekretariat
Majlis Tindakan Ekonomi Negara (AEC)

Tajuk
Melaka sebagai Pusat Perdagangan dan Pelancongan
Tersohor Dunia : Memulihkan Ekonomi Menuju Kemakmuran



Panel Jemputan 2
YBhg Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan
Pengerusi Dewan Senior Majlis Dakwah Negara
Tajuk
Merealisasikan Melaka sebagai Pusat Tamadun Islam
dan Pendidikan Dunia : Suatu Keyakinan

SESI 2 : MELAKA MENGGAMIT DUNIA : MENYOROT SEJARAH MEMPERKASA KELUARGA MALAYSIA



Moderator:
YBrs Tuan Hj Mohd Haswandi bin Hj Ahmad
Ketua Pengarah Institut Pembangunan dan
Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD),
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



Panel Jemputan 1
YBhg Prof Emeritus Data' Dr Teo Kok Seong
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, UiTM
Shah Alam
Tajuk
Perlembagaan & Payung Negara, Tunjang Negara Malaysia



Panel Jemputan 2
YBhg Prof Emeritus Data' Dr Teo Kok Seong
FELO Utama, Institut Pengajian Etnik (KITA) UKM
Tajuk
Sepakat Memperteguh Keluarga Malaysia



Panel Jemputan 3
YBhg Prof Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak
Penasihat Ekonomi dan Inovasi
Kepada YAB Ketua Menteri Melaka
Tajuk
Negeri Berkebajikan, Kesejahteraan Masyarakat Berkekalan



YBhg Prof Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak
Penasihat Ekonomi dan Inovasi
Kepada YAB Ketua Menteri Melaka
Rumusan dan Resolusi Webinar

ANGKASA perkasa jihad basmi ‘orang tengah’

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan memperkasa kembali jihad membasmi peranan orang tengah menerusi koperasi yang berdaftar dengan badan itu.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, idealisme itu antara yang pernah diperjuangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sewaktu menjawat jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

(KPDKKK) suatu ketika dahulu.

“Kalau masih ingat antara strategi atau idealisme yang diperjuangkan Datuk Seri Ismail Sabri dahulu ialah menggunakan platform koperasi untuk kurangkan peranan orang tengah.

“Kenapa barang harian hari ini semakin mahal? Kerana ia melibatkan kartel-kartel atau orang tengah inilah.

“Jadi, selepas beliau dilantik sebagai perdana menteri, kita rancang untuk teruskan serta perkasakan agenda tersebut supaya koperasi

dapat jadi platform wujudkan kesajahteraan dan membolehkan ahli-ahlinya menerima manfaat dan seterusnya mengawal kenaikan harga barang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui dalam majlis Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ANGKASA Prihatin COVID-19 kepada 50 penerima asnaf di Koperasi Perubatan Islam Darul Ansar Melaka Berhad, di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, antara strategi dirangka ANGKASA untuk membasmi peranan orang tengah ialah dengan mewujudkan 3,000 outlet di bawah program Pembekalan Barang Asas 100 (BA100) menjelang hujung tahun ini.

Katanya, menerusi strategi itu, segala pembekalan barang keperluan asas akan dibuat melalui platform digital yang mana ia dapat mengawal rangkaian bekalan daripada dimonopoli ejen tertentu.

“Setakat ini kita sudah ada 1,800 outlet yang berdaftar dan Insya-Allah menjelang hujung tahun kita sasarkan akan ada 3,000 outlet berdaftar dengan program BA100 ini.

“Jadi, menerusi outlet tersebut, kita sudah tidak perlukan orang ten-

Peniaga khuatir penularan mudah berlaku jika ‘dine-in’

Faiz Hasan

DURIAN TUNGGAL - Rata-rata pemilik kedai makan di negeri ini masih belum membenarkan pelanggan makan di kedai berikutnya khawatir penularan COVID-19.

Timbalan Pengerusi Persatuan Pemilik Restoran dan Kafe Melaka (MR&CO), Shirajuddin Bolhi berkata, setakat ini kebanyakannya dari 200 ahlinya mengambil keputusan untuk tidak membenarkan pelanggan makan di kedai.

Menurutnya, hanya sekitar 10 peratus peniaga yang memanfaatkan kemudahan itu selepas dibenarkan oleh kerajaan kepada pemilik dan pekerja kedai yang telah lengkap menerima vaksin.

“Sejujurnya kita tidak mahu dipersalahkan dan menjadi punca kepada kluster baharu jika terdapatnya penularan tanpa kawalan di premis terlibat.

“Kalau diikutkan hati memang nak sangat buka tapi memandangkan keadaan sekarang membangunkan kami kena ambil langkah bijak dan tak nak bagi risiko pada orang lain.

“Kita memang mengharapkan

gah kerana ia (outlet) akan terus kepada pembekal menerusi platform digital yang mana kita (ANGKASA)

Melaka mencapai 100 peratus kadar vaksinasi dan keutamaan ini perlu difokuskan kepada peniaga di Melaka bagi membantu kami dalam memulihkan ekonomi negara,” katanya kepada MHI.

Ujarnya, kebanyakan peniaga tetap mengambil keputusan itu meskipun kini terpaksa menanggung kerugian sehingga 90 peratus selepas hanya bergantung kepada kaedah bungkus semata-mata.

“Ramai peniaga terkesan sehinggakan kira-kira 10 peratus dalam kalangan ahli terpaksa menutup kedai mereka ketika ini bagaimanapun ada juga yang cuba bertahan dan cari jalan lain untuk naikkan jumlah jualan setiap hari.

“Dalam keadaan ini peniaga perlu kreatif dan berusaha keras dalam mengusahakan perniagaan kerana usaha itu ada pada diri sendiri.

“Namun perkara ini juga perlu menerima sokongan dari semua pihak termasuklah pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memudahkan perlesenan serta membantu kami dalam menjalankan perniagaan,” katanya.

akan bertindak sebagai pembekal barang asas dan barang keperluan itu,” katanya.



ABDUL Fattah (tengah) menyampaikan sumbangan kit makanan kepada ahli koperasi terjejas akibat COVID-19 di Koperasi Perubatan Islam Darul Ansar Melaka Berhad, Pantai Kundor, baru-baru ini.

Settinggi-Tinggi Tahniah



YB DATUK WIRA MOHD RAFIQ BIN NAIZAMOHIDEEN

EXCO NGO, Pembangunan Belia dan Sukan
Ahli Dewan Undangan Negeri Paya Rumput

Atas penganugerahan Darjah Cemerlang Seri Melaka
(D.C.S.M.) yang membawa gelaran DATUK WIRA

Sempena hari jadi Yang di-Pertua Negeri Melaka
Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj Mohd Ali Mohd Rustam
yang ke-72

Setulus Ithlas Daripada



**Ketua Pegawai Eksekutif
dan Seluruh Warga Kerja Melaka Hari Ini Sdn Bhd**



Ozil 'dirindui' peminat Arsenal?

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DAHULU Arsenal dianggap antara 'kuasa besar' dan pencabar utama trofi Liga Perdana Inggeris. Namun, sekarang apa sudah jadi?

Kelab yang pernah gah di era Arsene Wenger kini mula menjadi bahan lawak dan ejekan peminat bola sepak seluruh dunia.

Apa tidaknya, pasukan yang terkenal dengan jolokan The Gunners itu kini tidak ubah seperti pasukan belasahaan apabila tewas dalam tiga aksi pertama Liga Perdana Inggeris musim 2021/22 tanpa sebarang gol!

Malah, lebih mengaibkan mereka turut tunduk di tangan pendatang baharu Liga Perdana Inggeris, Brentford dalam aksi pembuka tirai bulan lalu.

Adakah ini Arsenal yang diagung-agungkan dahulu?

Tidak keterlaluan untuk mengatakan peminat Arsenal kini sudah mula hilang sabar dengan prestasi semasa skuad kendalian Mikel Arteta.

Manakan tidak, selepas menjadi kelab paling mewah berbelanja dalam jendela perpindahan musim panas lalu, keputusan yang diraih cukup menghamparkan.

Difahamkan, sejumlah lebih RM858 juta (£150 juta) telah diperuntukkan Arteta bagi membawa masuk enam pemain muda baharu untuk disesuaikan dengan corak taktikalnya.

Tapi sehingga kini, tiada impak dapat dilihat sehingga peminat Arsenal sudah mula muak dan men-desak pihak pengurusan melakukan sesuatu.

Tidak kurang juga, ada di antara penyokong The Gunners mula menyebut kembali nama Mesut Ozil,

bekas pemain tengah dan perancang utama Arsenal ketika era kegemilangan dahulu.

Ozil, bekas pemain kebangsaan Jerman menjadi antara nama besar yang disisihkan Arteta sewaktu mula mengemudi kelab dari London Utara itu, musim lalu.

Selaras tersisih, boleh dikatakan Ozil sekadar menerima 'gaji buta' sebelum meninggalkan kelab pada Januari lalu secara percuma dan kini menyertai kelab Turki, Fenerbahce S.K.

Ironinya, prestasi buruk kelab yang kini menduduki tangga tercorot liga itu turut mendapat respon berbaur sindiran daripada Ozil.

"Percaya kepada proses," tulis Ozil di laman Twitternya bersama-sama emoji sedih dan patah hati selepas Arsenal dibelasah Manchester City 0-5 dua minggu lalu.

Frasa tersebut dipercayai merujuk kepada ayat kegemaran Arteta tatkala menjawab soalan media yang mempersoalkan kemampuan pasukannya.

Ciapan itu segera mendapat reaksi peminat bola sepak seluruh dunia apabila memperoleh lebih 150,000 tanda suka dan lebih 50,000 ulang ciap.

Rata-rata peminat Arsenal dilihat bersetuju dengan kekecewaan yang diluahkan Ozil, namun ada juga yang masih mempertahankan Arteta.

Setakat artikel ini ditulis, Arteta masih lagi diberi kepercayaan sebagai Pengurus Arsenal dan difahamkan, bekas penolong pengurus Pep Guardiola itu diberi tempoh sebulan untuk membuktikan sesuatu.

Semoga ada magis yang dapat dibuktikan Arteta dalam masa terdekat bagi menceriakan kembali penyokong Arsenal yang sehingga kini dikhabarkan 'masih ber-tapa di dalam gua'.



**KRUBONG
HEIGHTS**
HAK MILIK KEKAL



Untuk Bumiputera Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur

3 Bilik Air

06. 337 3333

www.pbrealty.com.my

012. 601 0486
Vivin Lee

012. 638 4496
Yen
Tammy Ong

012. 698 6255
Kelly Ong
Elynn Un

012. 667 0833
Sara Siew
Edwin Chan

012. 618 7922
Zira
Aqilah

PB REALTY
REALTY

Ponjai
PB REALTY SDN BHD 33861-U

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan Pk 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

* No. Lembar Penajaan Peruntukan : 8197-1187-2022/847823 • Terdaftar Buletin : 2193/2022 hingga 2193/2022 • No. Permohonan : 8181-1187-2022/941975 • Tempoh Boleh : 20/03/2022 hingga 21/03/2022 • Pihak Yang Melakukan Pelan : MBBB • No. Rekod : MBBB/303/02823/02/15/10 • Tarikh Jangka Sifat : July 2022 • Pegawai Tanah : Hak Milik Kekal • Radikan Tanah : Hong Leong Bank Berhad • Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited • RM112,000.00 min. RM1615,000.00 maks. (70 uru)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Sentuhan Ozil
dirindui
Arsenal

23



MELAKA HARI INI / 6 September - 12 September 2021

Sukan

MELAKA HARI INI



Melaka United FC kekal di Liga Super

Mohamad Fazrul Abdul Majid
Foto Ihsan FB Melaka United FC

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) mengesahkan tempat di Liga Super musim depan selepas berjaya menundukkan Perak FC 2-1, di Stadium Hang Jebat, pada 3 September lepas.

Tiga mata berharga yang diperoleh itu cukup untuk membantu skuad Hang Tuah menjamin slot saingan liga teratas musim 2022 selepas mengutip keseluruhan 21 mata daripada 21 perlawanan dengan hanya berbaki satu perlawanan sahaja lagi sebelum liga melabuhkan tirai.

Aksi yang berlangsung dalam cuaca baik itu menyaksikan tuan rumah terlebih dahulu memperoleh peluang membuka tirai jaringan pada minit ke-10 hasil situasi kucar-kacir di hadapan pintu gol pelawat.

Namun peluang itu gagal dimanfaat-

kan Mohamad Fakhruddin Rosli dan Giovane Gomez.

Tujuh minit selepas itu, giliran Sony Norde pula hampir memecah kebuntuan menerusi sepakan percuma terus ke arah pintu gol.

Sayangnya, rembatan itu sekadar singkah di palang dan tindakan susulan yang dilakukan Gomez pula melambung tinggi.

Keterujaan tuan rumah melakukan asakan akhirnya dikejutkan apabila pengadil menghadiahkan sepakan penalti kepada pelawat selepas Khairul Anwar Shahruddin menjatuhkan Mohammad Syahir Bashah di dalam kotak penalti.

Sergio Aguero yang dipertanggungjawab mengambil sepakan tersebut berjaya menewaskan Khairul Fahmi Che Mat untuk meletakkan Perak di depan pada minit ke-30.

Gawang Melaka sekali lagi diuji pada minit ke-33 dan 40 menerusi ancaman Muhammad Adib Abdul Raop yang memperoleh peluang keemasan untuk menggandakan jaringan.

Namun, kedua-dua peluang itu gagal disempurnakan dengan baik dan menyaksikan keputusan satu gol memihak Perak

kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

Bersambung di babak kedua, anak buah Zainal Abidin Hassan yang ketinggalan melakukannya akan bertubi-tubi untuk mencari gol penyamaan.

Gol yang dicari-cari akhirnya muncul pada minit ke-66 menerusi Manuel Ott yang melakukan larian solo dari tengah padang sebelum merembat deras bola menewaskan Mohammad Nasrullah Abdul Aziz.

Ia merupakan gol kedua peribadi berturut-turut yang dijaringkan pemain kebangsaan Filipina itu.

Tidak terhenti di situ, MUFC berjaya memperoleh gol kedua berselang 13 minit selepas itu menerusi Sony Norde.

Gol itu terhasil selepas Sony berjaya merembat deras bola di luar kotak penalti, sekali gus menewaskan Mohammad Nasrullah buat kali kedua.

Keputusan 2-1 memihak MUFC itu kekal selepas pengadil perlawanan, Ahmad Zuhaidi Dzulkifli meniupkan wisel penamat.

Aksi terakhir Liga Super menyaksikan MUFC bakal bertandang ke Stadium Darul Aman, Alor Setar untuk menentang Kedah Darul Aman FC pada 12 September ini.

PEMAIN tengah MUFC, Manuel Ott menampilkan permainan cemerlang selepas menjaringkan gol penyamaan pada minit ke-66.